

Ruj. Kami: (8.00)(01.00)96/1-3(15)

Tarikh : 22 Ogos 1996

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Y.Bhg. Datuk/Tuan/Puan,

PELARASAN ATAU PULANGAN BALIK PENDAHULUAN

Adalah saya menarik perhatian Y.Bhg. Datuk/Tuan/Puan kepada perkara di atas dan memaklumkan bahawa Pejabat ini telah meluluskan permohonan pendahuluan diri (pegawai-pegawai awam) yang telah dikemukakan oleh beberapa jabatan.

2. Adalah didapati beberapa pegawai yang bertanggungjawab yang memperakui permohonan-permohonan itu gagal untuk mengambil tindakan bagi menguruskan pelarasan dan pulangan balik pendahuluan yang telah diluluskan itu.


3. Pejabat ini berharap dapat Y.Bhg. Datuk/Tuan/Puan menyemak semua permohonan pendahuluan diri yang telah dibuat dan diluluskan serta memastikan tindakan telah diambil untuk menguruskan pelarasan dan pulangan balik pendahuluan itu.

4. Jika pegawai yang bertanggungjawab gagal untuk mengambil tindakan untuk menguruskan pelarasan dan pulangan balik pendahuluan, Pejabat ini akan mengesyorkan supaya tindakan surcaj dikenakan keatas pegawai yang bertanggungjawab itu.

Sekian. Terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,



(ABDUL AZIZ BIN MOHD. ALI)
Pegawai Kewangan Persekutuan
Sabah